

Penghasilan Straw Dari pada Batang Pisang Iaitu EcoBananas

Noor Hanim Binti Ismail¹, Ahmad Yusof Amin Ahmad Sobri,

Noor Afikah Majid, Nursyafiqah Mohammad Rosdi, Yoges Ravi

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kawasan Perindustrian Tinggi Kulim, 09090 Kulim, Kedah, Malaysia.

Abstrak: Tujuan kajian ini dijalankan untuk menginovasikan batang pisang kepada produk yang unik iaitu penyedut minuman atau straw yang lebih mesra alam dan selamat untuk digunakan. Idea ini diadaptasikan disebabkan isu pencemaran alam sekitar dan pembaziran batang pisang yang dibuang selepas pisang diambil. Bagi mengatasi masalah yang berleluasa pada masa kini, pengkaji mengambil langkah ini untuk mengeluarkan produk inovasi yang berasaskan batang pisang sebagai langkah untuk mengurangkan masalah ini. Metodologi dan hasil dapatan projek perniagaan ini menggunakan Model Penyelesaian (Design Thinking Model) bagi merealisasikan idea yang baru dan dapat membantu pengkaji untuk menyelesaikan masalah yang sedia ada. Selain itu, pengkaji telah menjalankan satu soal selidik untuk mengenalpasti hasil dan impak produk EcoBananas ini dan hasil dapatan dari soal selidik ini, menunjukkan hasil dan kesan yang positif. Kesimpulan, kelebihan dan impak: Secara keseluruhannya, produk EcoBananas ini adalah untuk mengurangkan penggunaan straw plastik pada zaman kini di mana straw plastik masih giat digunakan yang mungkin akan memudaratkan kesihatan. EcoBananas ini menggunakan 100% daripada sumber bahan semula jadi iaitu batang pisang dan ia dapat digunakan oleh semua masyarakat tanpa mengira umur, jantina dan sebagainya. Produk ini juga menggunakan bahan organik dan selamat digunakan dan tidak akan mencemarkan alam sekitar kerana ia merupakan bahan yang mudah terurai.

Kata Kunci: batang pisang, straw, pencemaran, alam sekitar

1.0 Pengenalan

Plastik adalah campuran bahan kimia yang dibuat untuk mencipta sesubuh objek yang sukar terlerai dari segi zarah-zarah kecil. Kegunaan plastik dalam aktiviti harian manusia sangatlah banyak dan meluas. Penghasilan produk plastik antara industri paling rancak dalam sektor pembuatan Malaysia dan dengan plastik juga dapat membuat pelbagai produk-produk yang baru seperti penghasilan pinggan dan cawan yang baik dimana ia sentiasa dapat memenuhi kehendak pelanggan dan pasaran sekaligus menjana ekonomi Negara. Industri plastik adalah industri yang terbesar di Malaysia dan juga merupakan pengimport barangan plastik dengan import tahunan lebih RM19.76 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2019. Di Malaysia, industri plastik ini terletak dalam sektor bahagian bahan-bahan sisa pepejal. Banyak syarikat-syarikat yang terkenal dalam proses pembuatan barang plastik, seperti kedai RM 2.00, HK Foods (M) Sdn. Bhd. Topware Marketing Sdn Bhd (Borneo, 2019).

Di Malaysia terdapat pelbagai jenis syarikat yang menghasilkan penyedut minuman menggunakan plastik, namun kegunaan plastik yang meluas dan amalan sikap pengguna yang kurang bertanggungjawab terhadap alam sekitar menyebabkan limpahan barangan plastik yang sukar untuk dilupuskan. Barangan yang berunsurkan plastik memakan masa yang lama untuk dilupuskan dan juga agak sukar untuk dilupuskan. Akibat dari barangan plastik yang meluas menyebabkan alam sekitar semakin tercemar seperti di sungai-sungai dan kawasan-kawasan semula jadi. Disebabkan perkara ini terjadi, maka wujudlah satu inisiatif untuk menjaga alam sekitar seperti pengenalan mengenai go green atau pun tindakan penyelamatan alam sekitar.

Hasil dari tindakan untuk menyelamatkan alam sekitar, maka wujudlah penciptaan penyedut minuman pakai buang yang tidak menggunakan bahan kimia atau bahanyang melibatkan plastik. Walaupun sudah banyak yang mencipta penyedut minuman pakai buang menggunakan plastik, terdapat penyedut minuman pakai buang akan dibuat menggunakan sumber alam semula jadi seperti kertas dan sebagainya. Bagi tujuan projek perniagaan ini, satu inovasi untuk menghasilkan penyedut minuman atau straw pakai buang berasaskan batang pokok pisang sebagai alternatif kepada bahan kimia seperti plastik dan polisterina. Setiap proses dalam membuat barangan ini tidak akan menggunakan bahan-bahan kimia, malah ia lebih selamat berbanding plastik.

Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan penyedut minuman atau straw berasaskan batang pisang yang dinamakan EcoBananas dan menilai keberkesanan produk EcoBananas melalui penilaian soal selidik dan penilaian pakar.

2.0 Kajian Literatur

Dewasa ini masalah pembuangan sampah masih tidak dapat diatasi dengan baik oleh sesetengah sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dengan keindahan alam sekitar. Menurut artikel Berita Harian bertarikh 2 Julai 2019 yang bertajuk “Dunia makin tenggelam dek sampah plastik”, telah mengulas tentang masalah pembuangan plastik yang semakin berleluasa pada ketika ini. Statistik oleh Our World in Data (OWD) pada 2010 menyebut bahawa pengeluaran plastik di peringkat global mencecah 270 juta tan, manakala hasil buangan adalah lima juta lebih tinggi iaitu 275 juta tan. OWD juga merekodkan sebahagian besar sisa buangan plastik ini dicipta oleh penduduk pinggir pantai khususnya yang berada dalam lingkungan 50 kilometer dari laut. Pada tahun 2010 sisa buangan sampah di kawasan berkenaan mencecah 9.5 juta tan. Menurut OWD, lapan juta tan (bersamaan tiga peratus bahan buangan plastik global) akan mengalir ke laut menerusi pelbagai saluran, termasuk yang dibuang di sungai oleh individu yang tidak bertanggungjawab dan 10,000 hingga 100,000 tan sampah lagi terbiar hanyut di permukaan laut (Ahmad, 2019).

Menurut Harian Metro, pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada produk berasaskan plastik dikhuatiri meningkat pada kadar yang amat membimbangkan pada ketika ini. Berbeza dengan sifat sisa bahan bukan organik lain, plastik mengambil masa yang lama untuk terurai secara semula jadi. Bergantung kepada komposisi dan struktur kimia bagi beberapa jenis plastik yang mengambil masa sehingga 400 tahun untuk terurai. Walaupun secara dasarnya plastik boleh dikitar semula, apabila dibebani dengan pelbagai kos tambahan seperti pengumpulan dan pembersihan, proses ini tidak menjadi keutamaan industri. Dikatakan hanya sembilan peratus plastik dikitar semula daripada 6.3 bilion tan plastik yang dihasilkan di seluruh dunia sejak mula diperkenalkan pada 1950-an. Lebih memburukkan keadaan, setiap tahun, dianggarkan sehingga 8 juta tan metrik sisa plastik memasuki sistem perairan dunia dan berakhir di lautan. Pencemaran ini menjejaskan fisiologi kehidupan marin yang mungkin memberi kesan jangka panjang (Lah, 2019). Hal ini menjelaskan bahawa produk yang berasaskan plastik member impak yang buruk kepada manusia dan kehidupan lain seperti hidupan di laut terutamanya kerana seperti yang sedia maklum, terdapat manusia yang tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam laut sehingga menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan baik.

Kerajaan telah mengeluarkan beberapa garis panduan berkenaan perkhidmatan penghantaran makanan kepada pelanggan untuk memastikan tiada penularan wabak Covid-19 berlaku semasa perkhidmatan itu disampaikan kepada pelanggan. Selaras dengan Tatacara Kawalan Penghantaran Makanan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengangkutan mengeluarkan satu garis panduan untuk perkhidmatan penghantaran makanan dan bungkusan menggunakan motosikal (Parcel Hailing – P Hailing) pada 20 April lalu bagi mengawal perkhidmatan penghantaran makanan kepada pelanggan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Rahman, 2020). Garis panduan ini menetapkan bahawa para penghantar makanan dikehendaki menitik berat soal kebersihan dan kesihatan, mengamalkan penjarakan sosial serta memastikan transaksi tanpa sentuhan dilakukan dengan pelanggan. Selain itu, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan (KKM) juga mengeluarkan garis panduan mengenai keselamatan makanan yang dijual secara atas talian. Garis panduan keselamatan makanan bagi produk makanan yang dijual dalam talian (On-line) menyatakan penghantar makanan mestilah sentiasa bersih dan sihat, memastikan bungkusan tidak terbuka atau bocor, beg termal dalam keadaan bersih dan sentiasa ditutup rapat, masa makanan disediakan dinyatakan pada bungkusan, barangan peribadi tidak diletakkan bersama makanan dan tiada pencemaran berlaku terhadap makanan yang dihantar (MAJLIS KESELAMATAN NEGARA, 2020). Hal ini membuktikan bahawa perkhidmatan penghantaran makanan berkembang pesat semasa penularan wabak Covid-19 di mana beg plastik dan bekas plastik untuk membungkus makanan giat digunakan oleh kedai makan. Penggunaan yang berasaskan plastik ini adalah amat membahayakan kesihatan seperti yang dinyatakan dalam minggu wanita, plastik merupakan sejenis pengganggu hormon (Xenoestrogen) yang boleh mencetuskan penyakit-penyakit zaman moden (Nadia, 2018).


Inovasi yang berkenaan dengan produk berasaskan tumbuhan seperti batang pisang adalah pilihan bagi projek ini iaitu menghasilkan penyedut minuman atau straw daripada batang pisang bagi mengurangkan kadar penghasilan barang berasaskan plastik yang hanya akan memberi kemudahan kepada manusia pada masa akan datang. Oleh itu, projek ini mengambil inisiatif untuk menginovasikan batang pisang bagi penghasilan kertas yang dapat dijadikan penyedut minuman. Hal ini kerana, pokok pisang yang sudah berbuah tidak akan berbuah buat kali kedua seperti pepatah “pisang tidak berbuah dua kali”. Ini jelas mengatakan bahawa batang pisang tidak akan digunakan dan terbiar sahaja jika tidak diinovasikan menjadi sesuatu produk yang boleh

digunakan. Batang pisang adalah bahan yang selamat untuk digunakan kerana boleh dijadikan makanan iaitu gula batang pisang terutama bagi masyarakat di kawasan utara Malaysia. Jelaslah, produk yang ingin diinovasikan ini selamat digunakan oleh masyarakat sejagat. Penghasilan produk ini juga secara tidak langsung dapat mengurangkan penggunaan plastik yang semakin berleluasa pada masa ini.

Sebaliknya, dapat memberi manfaat kepada tanah iaitu penghasilan baja organik. Persekitaraan juga tidak akan tercemar dan tidak membahayakan manusia mahupun haiwan perliharaan. Inovasi EcoBananas ini dapat menggantikan penyedut yang diperbuat daripada plastik yang merupakan akan memberi kesan kepada manusia pada masa yang akan datang.

3.0 Metodologi

Design Thinking merupakan satu kaedah untuk mendapatkan idea tersusun yang menjadi satu dasar dalam pemikiran inovasi. Model ini dicipta oleh Gerd Waloszek yang mempunyai 5 peringkat. Peringkat pemikiran tersebut adalah empathy, define, ideate, prototype dan iterate. Sebelum memulakan sesuatu inovasi, kita haruslah memulakan inovasi dengan menggunakan Design Thinking supaya inovasi ini dapat memberikan kesan yang besar kepada masyarakat dan penduduk sekeliling. Sebelum sesuatu inovasi itu dihasilkan dan dikomersialkan, ia perlu melalui antaranya Design Thinking supaya sesuatu produk yang direka cipta itu menjadi keperluan dan hasil daripada produk ini tidak sia-sia dan dapat digunakan dengan baik oleh semua masyarakat. Model ini boleh dijadikan sebagai satu alat untuk mengukur keperluan inovasi. Rajah 1 menunjukkan Design Thinking Mode.



Rajah 1: Design Thinking Mode

3.1 Empati (Empathy)

Fasa pertama proses 'design thinking' yang dijalankan oleh projek perniagaan ini adalah mengurangkan pembaziran batang pisang yang mana daun pisang diambil untuk kegunaan, namun batang pisang dibuang. Seterusnya, projek inovasi ini juga adalah bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia mengurangkan penggunaan barangan plastik dan barang yang mempunyai bahan kimia hal ini kerana barangan plastik dan barangan berasaskan bahan kimia boleh menjejaskan kesihatan. Selain itu, produk ini merupakan sebagai bahan pengganti kepada straw plastik.

3.2 Kenali Masalah (define)

Fasa kedua dalam proses 'design thinking' ini ialah memikirkan jalan pantas dan penyelesaian kepada masalah pembaziran dan pembuangan sekali gus dapat membantu pengguna supaya mengamalkan sikap menjaga alam sekitar dan menggunakan barangan kitar semula. Oleh itu, projek perniagaan ini menghasilkan penyedut minuman atau straw yang berasaskan batang pisang sebagai pengganti barangan plastik. Selain itu, produk ini boleh dipelbagaikan kegunaannya seperti dijadikan sebagai penyedut minuman.

3.3 Pembentukan idea (ideate)

Fasa ketiga dalam proses ‘design thinking’ ini, pembuatan produk inovasi ini merupakan produk barangan alat makan yang berasaskan batang pisang iaitu menggunakan barangan kitar semula dan menggunakan unsur alam semulajadi yang bertujuan untuk mengelakkan pembaziran. Produk ini menggunakan seratus peratus bahan semula jadi dan tidak mempunyai bahan kimia mahupun apa-apa unsur yang melibatkan bahan kimia.




3.4 Prototaip (prototype)

Pada fasa ini, projek ini melakukan prototaip ke atas produk dan memberi percubaan untuk penilaian pakar serta diberikan juga pendedahan kepada pengguna awam. Setelah memberikan pendedahan dan percubaan kepada pengguna, projek ini juga mendapatkan maklum balas daripada pengguna mengenai keberkesanan produk EcoBananas. Kemudian, projek ini dapat membuat penambahbaikan kepada Eco Bananas.


3.5 Fasa percubaan (iterate)

Setelah mengenali masalah pengguna, fasa percubaan ini dilakukan bagi memastikan idea yang dihasilkan dapat menyelesaikan masalah pengguna produk EcoBananas. Dalam fasa ini terdapat 3 panduan yang boleh dirujuk sebelum menjalankan sesebuah ujian atau percubaan iaitu tawaran pilihan buat pelanggan, kaji pilihan pelanggan dan dapatkan respon para pelanggan. Rajah 2 menunjukkan penghasilan Ecobananas. Rajah 3 menunjukkan prosedur Ecobananas.

LANGKAH PERTAMA	
	Barang-barang yang diperlukan ialah batang pisang, air, bekas segi empat dan pengisar.
LANGKAH KEDUA	
	Proses kedua dalam pembuatan EcoBananas ialah memotong batang pisang kepada saiz kecil, basuhkan dan rebus batang pisang tersebut.
LANGKAH KETIGA	
	Proses ketiga ialah batang pisang yang direbus selama 1jam.
LANGKAH KEEMPAT	
	Proses keempat ialah memasukkan batang pisang dalam pengisar dan kisarkan hingga halus serta masukkan dalam bekas segi empat yang besar.

LANGKAH KELIMA	
	Proses kelima ialah hasil kisan masukan dalam bekas segi empat yang besar dan diratakan.
LANGKAH KEENAM	
	Proses keenam ialah bahan kisan batang pisang dijemur di bawah matahari sehingga kering.
LANGKAH KETUJUH	
	Proses terakhir membentuk produk menjadi penyedut minuman atau straw.

Rajah 2 : Penghasilan Ecobananas



Rajah 3 : Prosedur Ecobananas

4.0 Analisis Dan Hasil Dapatan

Daripada analisis dan hasil dapatan yang diperoleh dengan menggunakan dua kaedah iaitu soal selidik dimana seramai 38 orang responden telah menjawab soalan soal selidik ini. Seterusnya, projek perniagaan ini juga menggunakan kaedah penilaian pakar mengenai produk Ecobananas ini. Pengkaji memilih dua orang pakar terdiri daripada ketua unit keushawanan dan juga seorang usahawan.

Bahagian A merujuk kepada demografi responden. Demografi ialah statistik yang boleh diukur melalui


responden berkenaan. Demografi juga digunakan untuk mengenal pasti aspek latar belakang responden yang merangkumi aspek jantina, umur, bangsa, dan jenis pekerjaan responden seperti Jadual 1.

Jadual 1
 Bahagian Demografi

BIL.	ITEM	PERKARA	PERATUS
1.	Jantina	Lelaki	26.3%
		Perempuan	73.7%
2.	Umur	18-20 tahun	68.4%
		21-30 tahun	18.4%
		31-40 tahun	13.2%
3.	Bangsa	Melayu	94.7%
		India	5.3%
		Cina	0%
4.	Jenis Pekerjaan	Kerajaan	15.8%
		Swasta	13.2%
		BekerjaSendiri	7.8%
		SuriRumh	0%
		Pelajar	63.2%

Berdasarkan jadual 1 ini menunjukkan latar belakang responden yang menjawab soal selidik ini. Jadual ini menunjukkan majority yang menjawab soalan ini ada perempuan 73.7%. Manakala bagi soalan untuk umur, majoriti responden dalam lingkungan umur 18-20 tahun dan kebanyakan dari bangsa melayu iaitu seramai 94.7%. Selain itu, jenis pekerjaan responden secara keseluruhannya merupakan pelajar sebanyak 63.2%.


Bahagian seterusnya ini terbahagi kepada tiga faktor iaitu mengenai penerimaan, kandungan dan keberkesanan produk EcoBananas. Terdapat lima soalan pada setiap faktor dan responden perlu menjawab soal selidik dengan memilih skala 1 hingga 5. Bagi skala 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (neutral), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju) seperti Rajah 4.



Rajah 4: Penerimaan EcoBananas


Rajah 4 menunjukkan faktor pertama iaitu responden ingin mencuba lebih banyak lagi produk berasaskan batang pisang. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 52.6% responden ingin mencuba produk berasaskan batang pisang. Seterusnya ialah pendapat responden produk ini boleh dipelbagaikan menjadi alat makan yang lain sebanyak 53.3% responden setuju untuk mempelbagaikan menjadi alat makan yang lain. Hasil dapatan seterusnya ialah mengenai harga produk ini yang berpatutan iaitu sebanyak 63.2% menyatakan produk ini berpatutan untuk dibeli. Selain itu, rajah ini menunjukkan responden menyatakan produk EcoBananas ini selamat digunakan 50% responden setuju dan 28.9% responden sangat setuju. Akhir sekali, Rajah ini menunjukkan produk ini mesra alam dan tidak mencemarkan alam sekitar dengan hasil dapatan

63.2%. Rajah 5 menunjukkan kandungan Eco Bananas.



Rajah 5: kandungan EcoBananas


Rajah 5 ini menunjukkan graf mengenai kandungan EcoBananas. Berdasarkan dari soalan kajian yang dilakukan sebanyak 47.4% responden percaya bahawa EcoBananas ini dapat membendung kes pencemaran alam sekitar. Sebanyak 57.9% responden suka akan produk yang berasaskan bahan semula jadi dan responden juga menyatakan bahawa mereka suka produk yang tidak menggunakan bahan kimia. Kajian ini juga membuktikan bahawa seramai 47.4% responden suka akan produk yang tidak menggunakan bahan plastik. Akhir sekali, sebahagian daripada 100% iaitu 50% responden percaya bahawa EcoBananas dapat mengurangkan kadar penyakit yang disebabkan oleh bahan kimia. Rajah 6 menunjukkan keberkesanan Eco Bananas.



Rajah 6: keberkesanan EcoBananas

Rajah 6 ini menceritakan mengenai faktor keberkesanan produk didalam kajian soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 60.5% responden yang akan membeli produk ini jika memasuki pasaran. Selain itu, 52.6% responden menyatakan bahawa merekamengemari produk yang bukan berasaskan plastik. Seramai 68.4% responden mengatakan bahawamereka akan member cadangan kepada rakan lain untuk membeli produk ini. Responden yang seramai 63.2% bersetuju bahawa produk ini dapat member impak positif kepada alam sekitar dan pengguna. Akhir sekali, melalui maklum balas ini telah membuktikan bahawa seramai 65.8 responden memberikan reaksi terhadap EcoBananas yang merupakan produk yang bagus dan member impak positif secara keseluruhannya.

Bahagian ini merupakan penilaian bagi produk EcoBananas dengan menggunakan skala 1 (tidak bagus) hingga 10 (sangat bagus). Bahagian ini mengandungi 1 soalan penilaian yang perlu dijawab oleh responden. Soalan tersebut mengenai minat, penerimaan, keunikan dan kandungan produk tersebut serta cadangan penambahbaikan dari responden mengenai produk EcoBananas. Rajah 7 menunjukkan penilaian skala.



Rajah 7: Penilaian Skala

Hasil dapatan menunjukkan penilaian yang diberikan oleh responden yang telah mencuba EcoBananas dan kebanyakan responden telah memberikan nilai 8 hingga 10 pada EcoBananas ini. Tambahan pula, responden yang memilih skala 9 dan 10 adalah sama banyak yang bermaksud sangat bagus iaitu sebanyak 26.3%. Walau bagaimanapun, skala 8 merupakan paling tertinggi yang telah dipilih oleh responden iaitu sebanyak 28.9%. Namun begitu, terdapat 10.5% responden yang memilih skala 5, 2.6% bagi skala 6 dan 5.3% bagi skala 7.

Oleh yang demikian, ini jelas menunjukkan produk EcoBananas ini diterima baik oleh para responden dimana majoriti pengguna menerima baik produk ini dan mereka turut menyatakan keinginan untuk membeli sekiranya produk ini berada di pasaran. Oleh itu, ini jelas menunjukkan bahawa produk yang berasaskan batang pisang memberi impak yang positif.

Jadual 2

Penilaian Pakar

PENILAIAN PAKAR			
NAMA		PN AZNIRA BINTI ZAINAL	MOHAMMAD ROSDI BIN AWANG
UMUR		40 Tahun	57 Tahun
JAWATAN		Ketua Unit Keushawanan	Pengurus
PENGALAMAN		12 Tahun mengajar	20 Tahun berniaga
Bil.	Soalan	Komen/Ulasan	
PENERIMAAN PRODUK			
1	Pandangan pertama terhadap produk Ecobananas ini adalah memuaskan.	Baik	sangat bagus kerana ianya menjaga alam sekitar
2	Saya yakin produk Ecobananas ini selamat digunakan.	berasaskan bahan semulajadi	Ya, kerana ianya tidak mempunyai bahan kimia
3	Saya berpendapat bahawa produk ini dapat menarik perhatian pengguna.	enjagaan alam sekitar	Ya setuju
KANDUNGAN PRODUK			
4	Saya berpendapat bahawa bahan berasaskan semula jadi selamat digunakan	Setuju, baik untuk kesihatan	Setuju selamat digunakan
5	Saya berminat produk yang tidak menggunakan bahan kimia	setuju, penjagaan alam sekitar	Sangat setuju
6	Saya percaya produk ini dapat mengurangkan kadar penyakit yang disebabkan oleh bahan kimia	Sangat setuju	Sangat setuju

Bagi penilaian pakar ini, terdapat dua orang pakar yang dipilih untuk ditemu bual mengenai penerimaan, kandungan dan keberkesanan produk Ecobananas ini. Jadual dibawah menerangkan mengenai hasil dapatan penilaian pakar yang memberi maklumbalas yang positif seperti Jadual 2.

KEBERKESANAN DAN KEUNIKKAN			
7	Produk ini boleh memasuki pasaran.	Setuju berpotensi	Ya sangat digalakkan
8	Saya berpendapat bahawa produk ini selamat digunakan dalam kehidupan seharian.	Setuju	Setuju
9	Produk ini mempunyai potensi yang tinggi untuk memasuki pasaran luar	Setuju, inovasi yang bagus	u produk yang baik
10	Produk Ecobananas ini adalah produk pengganti plastik.	Sangat setuju	Setuju
11	Produk ini mudah digunakan dan mesra alam.	Sangat setuju	Sangat setuju
12	Saya berpendapat bahawa produk ini boleh digunakan dengan baik.	Setuju	Setuju
13	Ecobananas ini dapat menggantikan penyedut minuman plastik.	Sangat setuju	at menjaga alam sekitar
KESELURUHAN			
14	Produk ini bagus digunakan dalam kehidupan seharian dan dapat mengelakkan daripada mengalami penyakit kronik.	Setuju	Sangat setuju
15	Sila nyatakan cadangan anda untuk penambahbaikan pada masa akan datang.	a ke peringkat yang lebih tinggi.	Mempelbagaikan lagi produk dari Ecobananas seperti cawan, pinggan dan bekas pembungkusan makanan

5.0 Kesimpulan

Dalam penyelidikan ini, impak produk ini kepada masyarakat ialah produk ini dapat digunakan oleh semua masyarakat tanpa mengira umur, jantina dan sebagainya. Produk ini juga dapat mengelakkan masyarakat daripada penyakit yang kronik kerana produk ini 100% menggunakan bahan organik dan selamat digunakan. Produk ini jugak boleh mengurangkan pembaziran batang pisang kerana batang pisang jarang digunakan oleh masyarakat. Sebagai contoh, batang pisang biasanya akan dibiarkan begitu sahaja selepas buahnya diambil. Hal ini berlaku pembaziran batang pisang yang banyak dan dari situlah teretus idea untuk menghasilkan produk Ecobananas.

Seterusnya ialah produk ini dapat menjadikan alam sekitar di Malaysia menjadi bersih dan aman kerana kurang pembuangan sampah sarap berasaskan plastik. Sebagaimana kita tahu, plastik adalah salah satu bahan yang sukar terurai jadi produk Ecobananas ini dapat mengatasi masalah pencemaran alam sekitar. Produk Ecobananas ini juga boleh dijadikan baja apabila dibuang dan terurai kerana produk ini berasaskan bahan semula jadi.

Produk ini unik kerana ia menggunakan batang pisang sebagai bahan utama di mana dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar dan secara tidak langsung dapat mengurangkan pembaziran. Seperti yang sedia maklum, pokok pisang yang sudah berbuah akan di biarkan sahaja. Oleh itu, projek ini mengambil inisiatif untuk inovasikan batang pisang supaya dapat dijadikan produk yang berguna. Pembuangan batang pisang juga tidak akan mencemarkan alam sekitar kerana ia akan menghasilkan baja organik kepada tanah.

Secara keseluruhannya, projek EcoBananas ini adalah untuk mengurangkan kadar penggunaan straw plastik pada zaman kini di mana straw plastik masih giat digunakan yang mungkin akan memudaratkan kesihatan manusia pada masa akan datang kerana pemprosesan dalam pembuatan plastik telah dicampur oleh bahan kimia yang akan memberi kesan kepada kesihatan manusia kelak. Oleh itu, projek ini sedikit sebanyak



dapat membantu manusia dalam membendung penggunaan barangan plastik yang juga akan mengakibatkan kes pembuangan sampah. Hal ini kerana, plastik mengambil masa yang lama untuk terurai sehingga menyebabkan longgokkan sampah menjadi bukit dan tidak terkawal. Oleh yang demikian, EcoBananas ini merupakan straw yang diperbuat daripada bahan organik dan dapat terurai dengan baik. Ini menunjukkan bahawa EcoBananas ialah produk yang mesra alam.

Rujukan

- Ahmad, S. (2019). Dunia makin tenggelam dek sampah plastik. <https://www.bharian.com.my/rencana-komentar/2019/07/580104/dunia-makin-tenggelam-dek-sampah-plastik>
- Borneo, U. (2019). Produk plastik satu daripada industri paling rancak di Malaysia. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/11/16/produk-plastik-satu-daripada-industri-paling-rancak-di-malaysia>
- Lah, F.C. (2019). Harian Metro. Impak Pencemaran Plastik. <https://www.hmetro.com.my/bestari/2019/04/442215/impak-pencemaran-plastik>
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/03/FAQ-Bil1730.pdf>
- Nadia. (2018). Minggu Wanita. <https://www.mingguwanita.my/bahaya-guna-bekas-plastik-waktu-makan-mak-mak-kena-tahu-kesannya-dalam-jangka-masa-panjang/>
- Rahman, D. S. A. (2020). Industri penghantaran makanan halal perlu kawalan kerajaan. BERNAMA. <https://msmy.facebook.com/bernamaofficial/photos/a.10150341276330555/10158484096265555/?type=3>